# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## ISNIN / 07 JANUARI 2019

1. **MULAKAN HIDUP BAHARU DENGAN PERTANIAN BANDAR**
   - **UTUSAN MALAYSIA**
2. **KEMBUNG RM20 SEKILO**
   - **HARIAN METRO**
3. **FISHMONGERS FORCED TO RAISE PRICES**
   - **NEW STRAITS TIMES**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**

**( MADA )**

**KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**

**TARIKH : 07 JANUARI 2019**

**PERKARA : PERTANIAN**



DEMONSTRASI penghasilan bioarang oleh penyelidik UM.

ANAK pokok pisang yang dihasilkan menggunakan teknologi kultur tisu sedia untuk dipindahkan ke ladang.

# Mulakan hidup baharu dengan pertanian bandar

"Dengan bimbingan ilmu keusahawanan selanjutnya, para peserta yang berminat juga boleh menjadi usahawan tani, dan mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik. Ini juga boleh dijadikan jalan bagi membina persepsi positif kepada OKP di mata ahli masyarakat yang lain."

USAHA membanteras dadah oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bukan sahaja terhad kepada penguatkuasaan undang-undang di bawah akta-akta yang diperuntukkan, malah turut melibatkan aktiviti rehabilitasi kepada penagih. Usaha sebegini menjadi pelengkap kepada inisiatif yang dilaksanakan di pusat-pusat rawatan dan pemulihan di seluruh negara.

Sehubungan itu, sekumpulan penyelidik dari Pusat Asasi Sains dan Institut Sains Biologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya (UM) telah bekerjasama dengan AADK dalam penganjuran bengkel pertanian bandar bersama sekumpulan bekas Orang Kena Pengawasan (OKP) di Klang, Selangor baru-baru ini.

Menurut pensyarah Pusat Asasi Sains UM, **Dr. Mahanom Jalil**, program tersebut bertujuan memberi pendedahan asas mengenai pertanian bandar kepada golongan yang sering dipinggirkan dalam masyarakat kerana stigma negatif yang ada pada mereka.

"Secara tidak langsung mereka boleh menggunakan ilmu ini bagi mengurangkan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang," katanya yang juga penyelaras program.

Dengan bimbingan ilmu keusahawanan selanjutnya, para peserta yang berminat juga boleh menjadi usahawan tani dan mengubah kehidupan mereka kepada yang lebih baik. Ini juga boleh dijadikan jalan bagi membina persepsi positif kepada OKP di mata ahli masyarakat yang lain.

Peserta yang berusia di antara 18 dan 60 tahun itu telah didedahkan dengan kemahiran menanam anak pokok pisang dan cili menggunakan kaedah fertigasi.

Sementara itu, pensyarah Institut Sains Biologi UM, **Dr. Rosazlin Abdullah** yang turut menjadi tenaga pengajar dalam program itu berkata, kaedah penanaman sebegini amat sesuai untuk pertanian bandar kerana kurang bergantung kepada tanah selain mempunyai peratus tumbesaran yang tinggi kerana bekalan nutrien dan galian yang mencukupi untuk setiap tanaman.

Menariknya, peserta turut didedahkan dengan kaedah penghasilan bioarang daripada bahan-bahan buangan organik termasuk sisa pertanian. Bioarang boleh dijadikan baja bagi membantu tumbesaran tanaman yang ditanam oleh peserta kelak.

Dalam pada itu, Ketua Daerah AADK Klang, **Baharudin Ahmad@ Nasiman** amat tertarik dengan komponen penghasilan bioarang dalam program itu kerana secara tidak langsung mendedahkan peserta mengenai kepentingan pemeliharaan alam sekitar oleh setiap ahli masyarakat.

"Komponen sebegini memberi peluang kepada OKP yang mengambil bahagian untuk terus menimba ilmu walaupun telah menghabiskan zaman persekolahan," katanya.

Program tersebut menerima dana geran penyelidikan komuniti dari Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCares), dan turut bekerjasama dengan Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEBAR) UM.

Anak pokok pisang yang dibekal dihasilkan melalui penyelidikan kultur tisu di CEBAR.

Maklumat lanjut mengenai program ini boleh didapati melalui **Suamita Abdul Ghani di pbiu@um.edu.my atau 03-7967 6981.**

POKOK cili yang ditanam menggunakan teknologi fertigasi mula membesar.

ROSAZLIN ABDULLAH

PENANAMAN cili menggunakan teknik fertigasi juga diperkenalkan kepada pelatih.

POKOK cili mula berbuah dan sedia untuk dituai.

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 07 JANUARI 2019**

**PERKARA : PERIKANAN**

---



# Kembung RM20 sekilo

**Ribut Pabuk sebabkan harga ikan naik serta jejaskan perniagaan di pasar**



ASRI (kanan) melayan pelanggan membeli ikan di gerainya

Ahmad Rabiul Zulkifli
cnews@nstp.com.my

**Kuala Terengganu**

Musim tengkujuh selain fenomena ribut tropika Pabuk yang melanda negeri ini membuatkan harga ikan naik, sekali gus menyebabkan kemerosotan perniagaan bahan basah itu di Pasar Besar Kedai Payang (PBKP).

Tinjauan Harian Metro ke pasar itu mendapati kawasan jualan ikan di PBKP lengang, malah ikan yang dijual lebih 20 peniaga di situ tidak mendapat sambutan menggalakkan seperti biasa.

Asri Zakaria, 50, dari Kampung Seberang Takir berkata, fenomena alam yang berlaku sejak awal November tahun lalu memberi kesan terhadap harga ikan di negeri ini.

"Sebagai peniaga, kami mengharapkan sokongan pelanggan, justeru, tidak timbul isu harga ikan itu sengaja dinaikkan untuk mengambil kesempatan terhadap pelanggan.

"Peniaga tidak sewenang-wenangnya menaikkan harga ikan kerana sedia maklum kesan yang akhirnya merugikan kami sendiri. Harga ikan yang dijual itu bergantung kepada harga pasaran semasa berdasarkan harga jualan peraih ikan kepada kami.

"Kami hanya mengambil untung sekitar 50 sen hingga RM1 untuk sekilogram (sekg) dan ia sesuatu yang wajar serta tidak menindas pelanggan," katanya ketika ditemui di PBKP di sini, semalam.

Asri berkata, tidak semua pelanggan yang memahami situasi harga ikan pada musim tengkujuh, justeru, dia terpaksa memberi penerangan kepada pelanggan yang merungut dengan harapan perniagaan ikan di PBKP terus mendapat sambutan.

"Paling mendapat sambutan setiap kali jualan ialah ikan kembung, namun ikan itu kini berharga RM18 hingga RM20 sekilogram berbanding harga biasa sekitar RM14 sekilogram.



Metro TV
Untuk video layari
www.hmetro.com.my/mymetrotv

"Jika diikutkan ikan merah juga ada kenaikan iaitu RM32 sekilogram berbanding RM30 sekilogram pada akhir tahun lalu. Bagaimanapun atas budi bicara peniaga, ia tetap dijual dengan harga RM30 sekilogram," katanya.

Mustafa Abu Bakar, 60, dari Kampung Gong Badak berkata, bekalan ikan segar semakin berkurangan berikutan ramai nelayan tidak dapat turun ke laut untuk menangkap ikan.

"Peniaga terpaksa mengharapkan bekalan ikan sedia ada, selain ikan sejuk beku untuk dijual kepada pelanggan pada musim tengkujuh.

"Terpualng kepada pelanggan sama ada ingin membelinya atau tidak kerana bekalan ikan berkurangan menyebabkan harga ikan juga meningkat dan ia sudah menjadi tradisi pada setiap tahun pada musim tengkujuh," katanya.

Menurutnya, dia sudah berniaga ikan lebih 10 tahun di PBKP dan sentiasa mengalami keadaan turun naik dalam perniagaannya itu, justeru tidak berasa pelik sekiranya kekurangan sambutan kerana faktor harga ikan.

**KERATAN AKHBAR : NEW STRAITS TIMES**

**TARIKH : 07 JANUARI 2019**

**PERKARA : PERIKANAN**

---

MONSOON SEASON

# Fishmongers forced to raise prices



Asri Zakaria (right) choosing fish for a customer at Pasar Besar Kedai Payang in Kuala Terengganu yesterday. PIX BY IMRAN MAKHZAN

**KUALA TERENGGANU:** The rainy season, coupled with tropical storm *Pabuk* that lashed the waters off this east coast state, has caused the price of fish to rise.

As a result, this has affected the business of fishmongers at Pasar Besar Kedai Payang (PBKP) here. A check at the well-known wet market saw a slow day at the 20 fish stalls, whose products were hardly picked up.

Asri Zakaria, 50, from Kampung Seberang Takir, said the monsoon, which started in November, had affected fish prices in the state.

"As a trader, we look forward to support from customers, so the issue of the price of fish being deliberately raised to take advantage of the weather does not arise.



*Mustafa Abu Bakar*

"Traders do not arbitrarily raise their prices because they know it will eventually hurt them. The price of fish depends on the market which, in turn, is based on fisherman selling it to us.

"We only make a profit of between 50 sen and RM1 per kilogramme and it's not right for us to take advantage of our customers," he said at the market.

Asri said not all customers understood the fish price situation during the monsoon season, and he had to explain the increase in fish price.

"The most frequent request is for mackerel, but the fish is now priced between RM18 and RM20 per kg compared with the regular price of around RM14 per kg.

"If *ikan merah* is wanted, then there is an increase to RM32 per kg compared with RM30 per kg at the end of last year. However, it is at the dealer's discretion, and some are still sold at RM30 per kg," he said.

Mustafa Abu Bakar, 60, from Kampung Gong Badak, said the supply of fresh fish had also decreased as many fishermen could not go to sea.

"Traders are forced to utilise existing supplies, as well as frozen fish to sell to customers during the monsoon.

"It's up to customers whether they want to buy or not because the reduced supply of fish will cause prices to increase, and this is a fact in the annual monsoon season," he said.